

Bil. S 74

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2013/2014) (BIL. 2), 2014

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 58/2013) bertarikh 16 haribulan Julai 2013 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu empat ratus tiga puluh juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu ringgit (\$5,430,785,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2013/2014), 2013 (Akta 1 tahun 2013).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua ratus lima puluh lima juta, seratus empat puluh dua ribu, dua ratus sembilan ringgit (\$255,142,209.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2013/2014) (Bil. 1), 2013 (S 82/2013).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak seratus sembilan puluh lima juta, seratus dua puluh dua ribu, dua ratus tiga puluh satu ringgit dan enam puluh enam sen (\$195,122,231.66).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2013/2014) (Bil. 2), 2014.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2013/2014 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi seratus sembilan puluh lima juta, seratus dua puluh dua ribu, dua ratus tiga puluh satu ringgit dan enam puluh enam sen (\$195,122,231.66) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2013/2014, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2013/2014), 2013 (Akta 1 tahun 2013) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2013/2014) (Bil. 1), 2013 (S 82/2013) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

JADUAL

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan
	JABATAN PERDANA MENTERI	
SA15A	Jabatan Tenaga	\$70,128.04
SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$4,000,000.00
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	\$10,000,000.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN	
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	\$3,566,050.00
	KEMENTERIAN KEWANGAN	
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$122,883,136.83
SD05A	Perkhidmatan Rampaian	\$17,000,000.00

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL – (Sambungan)

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan
	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	
SE08A	Lembaga Bandaran Tutong	\$250,000.00
SE10A	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	\$2,500,000.00
SE12A	Jabatan Bomba dan Penyelamat	\$1,300,000.00
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$12,465,445.00
SF05A	Politeknik Brunei	\$1,115,221.00
	KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER- SUMBER UTAMA	
SH03A	Jabatan Perikanan	\$150,000.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
SJ01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$712,707.34
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
SK01A	Jabatan Kementerian Pembangunan	\$1,129,007.25
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
SL03A	Jabatan Belia dan Sukan	\$500,000.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
SM01A	Jabatan Kementerian Kesihatan	\$7,730,536.20
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$8,250,000.00
SM03A	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	\$1,500,000.00
		<u>\$195,122,231.66</u>

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 21 haribulan Disember, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM